

GSMA Memperkenalkan Komuniti Dalam Talian Utama bagi Wang Mudah Alih

Visa dan Globe Telecom Dinamakan sebagai Dua Rakan Kongsi Pengasas Pertama

BARCELONA, Sepanyol, 24 Jun /PRNewswire/ --

GSMA, badan yang mewakili industri komunikasi mudah alih sedunia, mengumumkan pelancaran inisiatif Mobile Money Exchange di Sidang Kemuncak Wang Mudah Alih Tahunan di Barcelona. Visa dan Globe Telecom adalah dua rakan kongsi pengasas pertama bagi Mobile Money Exchange, yang telah dilancarkan untuk menarik pemegang taruhan dan sektor baru yang memasuki ekosistem mudah alih.

Melalui inisiatif ini, GSMA membantu syarikat perkhidmatan kewangan yang memasuki persekitaran mudah alih, dengan menyediakan forum suara dan perniagaan formal bersama buat usaha sama perniagaan. Etos di sebalik penubuhan Exchange adalah untuk amalan dan inovasi terbaik diserlahkan dan dikongsi, merentasi industri dan antara industri. Mobile Money Exchange bakal menampilkan portal pengetahuan dalam talian dengan kefungsiannya rangkaian perniagaan sosial dan komuniti yang direka bagi menasihati dan memberi perkhidmatan untuk kepentingan industri wang mudah alih.

"Mobile Money Exchange dibina dari Mobile Money Programme yang dilancarkan oleh GSMA pada 2006 serta merupakan kejayaan besar dari segi membina komuniti global," kata Bill Gajda, Ketua Pegawai Komersial, GSMA. "Melalui Mobile Money Exchange, prinsip dan keperluan fundamental yang belum dipenuhi pada masa ini, seperti pemecahan dan seterusnya rendah keupayaan untuk menskala, akan diutarakan serta Exchange bakal memaju, menasihati dan memberi perkhidmatan terhadap kepentingan pasaran wang mudah alih."

"Selaku rakan kongsi pengasas, Visa mahu membantu kepimpinan pemikiran dan penyertaan industri dalam program Mobile Money Exchange dengan kerjasama GSMA," kata Tim Attinger, Ketua Pembangunan Produk Global bagi Visa Inc.

"Kami mengucapkan tahniah kepada GSMA atas pandangan jauhnya dalam membina inisiatif Mobile Money Transfer yang cemerlang lalu membentuk program Mobile Money Exchange yang baru ini," kata Presiden merangkap CEO Globe Telecom, Encik Ernest L. Cu. "Di Globe, kami sentiasa terbabit dalam inisiatif global bagi mempercepat kemajuan wang mudah alih dan langkah-langkah untuk menempatkannya ke dalam barisan perniagaan aliran utama bukan hanya untuk syarikat komunikasi

malah buat industri perkhidmatan kewangan juga. Dengan menjadi Rakan Kongsi Pengasas dalam program payung ini membuka jalan buat kami jalan untuk bekerjasama dengan pakar dan pemegang taruhan dalam ruang perdagangan mudah alih untuk mendekati objektif ini," tambah beliau.

Mobile Money Exchange terbuka kepada mana-mana organisasi dan ia berhasrat menubuhkan komuniti pemegang taruhan yang luas asasnya yang meliputi bidang utama wang mudah alih termasuk mPayments, mBanking, MMU (Mobile Money for the Unbanked) dan MMT (Mobile Money Transfer). Ia bakal memudahkan perkongsian dan model perniagaan baru, memacu kepimpinan pemikiran, menjuarai pertukaran inovasi dan pengetahuan dengan menarik semua elemen dalam industri wang mudah alih. Mobile Money Exchange bakal mempunyai Lembaga Penasihat yang terdiri daripada sebilangan pemimpin pemikiran terpilih bagi membentuk dan membangunkan Exchange, bekerja seiring kumpulan perbincangan dan komuniti yang menetapkan garis panduan, standard dan amalan terbaik secara usaha sama.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang perkongsian atau peluang penajaan, sila e-mel [mobilemoneyexchange@gsm.org](mailto:mobilemoneyexchange@gsm.org).

#### Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://www.gsmworld.com>.

#### SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Daniel Lowther dari GSMA, +44 7747 636 687, [press@gsm.org](mailto:press@gsm.org)